

>>Kita berharap kerajaan akan menggunakan semua hasil pungutan GST ini secara bijak, telus dan berhemah agar semua golongan rakyat dapat nikmati faedah bersama



Noor
Mohamad
Shakil
Hameed

Hasil kutipan GST bagi tempoh 1 April 2015 hingga 8 Mei lalu berjumlah RM27.31 bilion, sekali gus menunjukkan peningkatan pendapatan 88.34 peratus atau RM12.81 bilion berbanding semasa pelaksanaan SST.

Menurut Ketua Pengarah Kastam Datuk Seri Khazali Ahmad, bagi sasaran tahun ini, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) diberikan tugas untuk mengumpul RM39 bilion daripada GST.

GST enam peratus dilaksanakan bermula 1 April 2015 menggantikan cukai jualan dan perkhidmatan masing-masing sebanyak 10 peratus dan enam peratus.

Secara prinsipnya langkah kerajaan memperkenalkan GST untuk menurunkan kos perniagaan apabila cukai korporat diturunkan di samping menambah hasil kerajaan untuk pelbagai tujuan yang boleh memberi manfaat kepada rakyat dan negara. Malah, secara teorinya GST juga sepatautnya menurunkan harga barang dan perkhidmatan di negara kita. Namun, hakikatnya pada hari ini walaupun pihak kerajaan mengambil pelbagai langkah, termasuk pemantauan secara berterusan, harga barang tetap melambung tinggi, sekali gus terus membebankan rakyat, terutama golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Ini ditambah pula dengan peningkatan kos sara hidup secara keseluruhannya yang dilihat cukup drastik dan mendadak. Akibatnya rakyat mula terkesan dan semakin terhimpit untuk meneruskan survival dan kelangsungan hidup masing-masing.

Maka dalam konteks ini apa yang kita berharap ialah pihak kerajaan dapat menunaikan janji sebelum ini iaitu memulangkan kembali hasil kutipan GST kepada rakyat. Pulangan yang dimaksudkan di sini dalam bentuk kepelbagai manfaat untuk kepentingan rakyat dan juga negara.

Jelas pada hari ini kita sedang melalui satu zaman yang cukup mencabar. Walaupun secara zahirnya kita nampak ekonomi negara masih stabil dan berada dalam landasan yang baik, namun hakikatnya kehidupan rakyat terutama golongan berpendapatan rendah dan sederhana, termasuk miskin bandar terus tidak menentu dengan senario peningkatan kos sara hidup. Kenaikan harga barang dan perkhidmatan secara

Manfaat GST kepada rakyat

mendadak menyebabkan nilai wang tunai di tangan kelihatan terlalu kecil berbanding sebelum ini. Akibatnya kehidupan golongan ini dilihat umpama kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang.

Kenaikan harga rumah juga dilihat semakin parah dan menghalang impian golongan ini untuk memiliki sebuah rumah untuk betehuh mengikut kemampuan masing-masing. Tindak tanduk pemaju perumahan yang menaikkan harga rumah sesuka hati serta lebih mengutamakan pembinaan rumah yang eksklusif dan mewah menyebabkan majoriti rakyat kita mula berasa tersisih dan kecewa. Ini ditambah pula dengan masalah gaji dan upah yang secara relatifnya masih kecil di samping kadar pengangguran dan peluang pekerjaan yang kelihatan masih terhad sekaligus tidak seimbang dengan peningkatan kos sara hidup semasa.

Justeru, dalam konteks ini rakyat sangat berharap agar pihak kerajaan akan melakukan sesuatu secara drastik supaya dapat menangani masalah kos sara hidup yang tidak menentu ini. Dalam hal ini, kutipan GST yang tinggi dilihat antara sumber terbaik yang mampu digunakan untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat di pelbagai peringkat.

Secara kasarnya kerajaan sedia maklum masalah yang sedang dihadapi oleh rakyat. Ini peluang terbaik untuk pihak kerajaan benar-benar merasai denyut nadi rakyat dan membantu meringankan beban yang ada. Rakyat sudah semestinya mahu tahu apa perancangan kerajaan dengan hasil pungutan GST ataupun ke mana ia hendak disalurkan. Maka kerajaan perlu membentangkan perancangan yang bakal dilaksanakan dengan menggunakan hasil kutipan GST supaya telus dan rakyat juga jelas.

Kita tidak mahu persepsi negatif terus membayangi pelaksanaan GST. Selama ini pelbagai tohmann dilemparkan apabila kerajaan memutuskan untuk melaksanakan GST. Pelbagai pihak mengemukakan hujah mengikut tafsiran masing-masing mengenai baik dan buruknya GST. Oleh itu inilah masanya untuk kerajaan buktikan betapa pelaksanaan GST sememangnya memberi manfaat kepada rakyat dan juga negara.

Dalam konteks ini apa yang penting sekarang ialah rakyat mahukan bukti yang jelas dan kukuh betapa GST beri manfaat kepada kebajikan rakyat dan pembangunan negara. Kelompok masyarakat yang selama ini terpengaruh dengan pelbagai dakyah dan fitnah tentang GST perlu disedarkan betapa GST ada manfaatnya.

Realitinya semua golongan masyarakat perlu membayar GST dalam urus niaga harian mereka. Dalam situasi ini golongan miskin tegar antara kelompok masyarakat yang dilihat cukup terkesan dengan pelaksanaan GST kerana sikap tamak peniaga dan pemborong menyebabkan harga barang tidak turun, malah sebaliknya ada yang semakin naik. Justeru, harapan golongan ini agar hasil GST dapat digunakan untuk menstabilkan semula harga barang mahupun perkhidmatan, sekali gus dapat menurunkan kos sara hidup secara keseluruhannya. Ini adalah antara sebaik-baik manfaat yang diharapkan oleh rakyat hasil daripada pelaksanaan GST.

Pada masa sama dilaporkan masih terdapat puluhan ribu lagi syarikat yang melebihi syarat untuk mendaftar GST, namun masih belum berdaftar dengan kastam.

Kita berharap pihak kastam akan mempergiatkan usaha untuk memastikan syarikat ini berdaftar supaya hasil pungutan GST akan terus meningkat dan kerajaan boleh salurkan kembali kepada rakyat. Tingkatkan aspek pemantauan dan penguatkuasaan supaya tidak ada lagi syarikat yang terlepas, menipu dan mengambil kesempatan. Jika ada syarikat yang cuba menipu dan mengelak untuk mendaftar, hukuman yang sewajarnya perlu dikenakan sebagai pengajaran dan juga ikhtiar kepada yang lain.

Hakikatnya GST sejak sebelum diperkenalkan lagi sudah menerima pelbagai kritikan dan tohmann. Dan pada hari ini kerajaan mendapat peluang yang terbaik untuk membetulkan segala persepsi negatif terbabit. Jadi kita berharap kerajaan akan menggunakan semua hasil pungutan GST ini secara bijak, telus dan berhemah agar semua golongan rakyat dapat nikmati faedah dan manfaatnya secara bersama.

Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM